

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 27 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 26

Rumah transit belia pertama siap tahun hadapan

KUALA LUMPUR 26 Feb. - Pangsapuri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kampung Sungai Udang, Segambut di sini bakal menjadi rumah transit pertama di ibu negara apabila pembinaannya siap pada tahun hadapan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, pangsapuri dengan 1,200 unit berkenaan dibina khusus bagi golongan belia dan pasangan muda baharu berkahwin secara sementara sebelum memiliki kediaman sendiri.

“Rumah transit dengan kos pembinaan sebanyak RM300 juta melibatkan kawasan seluas lebih dua hektar kini 30 peratus dalam proses pembinaan dan dilengkapi

dengan pelbagai kemudahan asas seperti dewan, surau, parkir dan gelanggang futsal.

“Penyewa perlu membayar kadar sewa RM800 selama lima tahun kepada DBKL yang RM300 daripada jumlah itu kita akan simpan untuk mereka dan akan dipulangkan semula sebagai deposit apabila mereka sudah mampu beli kediaman sendiri melalui Rumah Wilayah Persekutuan (Rumahwip) kelak.

“Walaupun konsep rumah transit ini bersifat penyelesaian

jangka pendek, namun diharapkan dapat meringankan beban golongan belia untuk membina

kehidupan secara berperingkat hasil pengurangan kos sara hidup mereka,” katanya semasa merasmikan Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Segambut, di sini.

Tengku Adnan berkata, proses pemilihan akan dibuat melalui pendaftaran yang bakal dibuka dalam masa terdekat dan proses saingan akan dilaksanakan bagi memastikan hanya yang benar-benar layak dan memerlukan sahaja yang diberikan keutamaan.



**TENGGU ADNAN
TENGGU MANSOR**



PEMBINAAN Rumah Transit Belia memberi peluang kepada golongan berkenaan memiliki kediaman sendiri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN